



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **satu (1)** kes positif COVID-19 dilaporkan di daerah Bintulu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini sebanyak **580** kes.

Kes yang **ke-580** merupakan seorang lelaki berumur 59 tahun, warganegara Indonesia iaitu seorang daripada krew kapal LNG Jupiter, yang dalam pelayaran dari Singapura ke perairan Sabah (LNG Sabah). LNG Jupiter merupakan sebuah kapal tangki minyak yang didaftarkan di Nassau, Bahamas milik Lloyds Bank Equipment Leasing (No.7) Limited dan dikendalikan oleh NYK LNG Shipmanagement (UK) Limited. Kapal LNG Jupiter *sign on* dari pelabuhan Himeji, Jepun dan mula belayar pada 23 Jun 2020 dan berlabuh di perairan Singapura pada 3 Julai 2020 dengan membawa 30 orang krew.

Kes telah menjalani saringan swab PCR COVID-19 di Indonesia pada 16 Jun 2020 dan pada 22 Jun 2020 di Lapangan Terbang Kansai Jepun sebelum mula belayar pada 23 Jun 2020. Keputusan kedua-dua swab PCR pada ketika itu adalah negatif.

Beliau mula mengalami cirit-birit dan pitam pada 03 Julai 2020 semasa memasuki perairan Singapura. Pada hari yang sama, semasa berlabuh di perairan Singapura bagi tujuan pembaikan kapal, beliau juga telah mengadu demam, sesak nafas dan sakit kepala. Beliau telah diberi rawatan oleh Pegawai Perubatan dari NYK LNG Shipmanagement (UK) Limited. Tiada saringan COVID-19 dijalankan. LNG Jupiter mula berlayar semula menuju ke kawasan perairan Sabah pada 04 Julai 2020. Pada 11 Julai 2020 semasa berada berdekatan dengan perairan Bintulu, Sarawak keadaan kesihatan beliau semakin teruk mengalami sesak nafas. Kapten kapal telah menghantar mesej bantuan kecemasan kepada agen perkapalan di Pelabuhan Bintulu dan memohon kebenaran untuk membawa turun dari kapal untuk rawatan lanjut.

Beliau telah dibawa oleh agen perkapalan ke Borneo Medical Centre (BMC), Bintulu pada malam 11 Julai 2020 dan telah dibuat saringan COVID-19. Saringan awal menunjukkan beliau telah reaktif RTK Antibody dengan IgG dan IgM adalah positif COVID-19. Beliau kemudian terus dirujuk dan dibawa oleh agen perkapalan ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut dan dikategorikan sebagai *Patient Under Investigation* (PUI). Semasa berada di Hospital Bintulu, beliau berada dalam keadaan tidak sedar diri dan diberi bantuan alat pernafasan. Siasatan lanjut ujian makmal untuk rT-PCR COVID-19 mendapati ujian *swab nasopharyngeal* dan *oropharyngeal* beliau adalah positif untuk COVID-19 pada 12 Julai 2020.

Dimaklumkan juga **tiada** kes baru yang telah sembuh dan discaj dari hospital hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembuh dan discaj kekal sebanyak **552** orang atau **95.17%**. Seramai **9 orang** masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital dan **seorang** ditempatkan di *Intensive Care Unit* (ICU).

Jumlah kematian kekal **18 orang atau 3.11%**. Hari ini sebanyak **12 PUI** baru dilaporkan dan **2 kes** masih menunggu ujuan makmal.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak hari ini telah bermesyuarat dan memutuskan perkara seperti berikut:

A. KEMASUKAN WARGANEGARA ASING KE SARAWAK DENGAN PERMIT KERJA

Semua warganegara asing yang mempunyai permit kerja yang sah (pernah ke luar negara dan tempoh 30 hari) **DIBENARKAN** masuk ke Sarawak dan wajib menjalani kurantin selama 14 hari di pusat kuarantin yang telah ditetapkan. Ujian COVID-19 pada hari ke-2 dan hari ke-10 akan diambil. Semua kos kuarantin dan ujian COVID-19 akan ditanggung oleh majikan.

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)

Hari ini sebanyak **1,845 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (190), Restoran (349), Kilang (12), Bank (154), Pejabat Kerajaan (67), Penjaja (38), Pasar Tani/Awam (205), Tempat Ibadah (88), Tempat Riadah (64), Tapak Pembinaan (13) dan lain-lain (665).

Seramai **719 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (367), ATM (40), RELA (142), APM (99), PBT (58), KPDNHEP (4) dan Agensi lain (9).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,019** jumlah kenderaan telah diperiksa.

5. LAPORAN TANGKAPAN DAN RAMPASAN

Sejak 1 Jun hingga 12 Julai 2020, pihak Pasukan Gerakan Am (PGA) telah menangkap seramai 69 orang yang terdiri daripada warga tempatan (20), warganegara Indonesia (46) dan warganegara Filipina (3) di sempadan. Selain itu juga seramai 16 orang warganegara Indonesia telah diusir ke negara asal. Manakala sejumlah **RM 510,844** nilai anggaran rampasan yang telah direkodkan.

6. SARINGAN DI FASILITI KESIHATAN

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memaklumkan bahawa sekiranya sesiapa yang menjadi kontak kepada kes positif COVID-19 di Kuching, sila hadir untuk menjalani saringan di fasiliti kesihatan dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang seperti berikut:

Klinik Kesihatan Jalan Masjid Klinik Kesihatan Tanah Putih Klinik Kesihatan Kota Sentosa Klinik Kesihatan Batu Kawa	Setiap Isnin hingga Jumaat
Klinik Kesihatan Petra Jaya	Setiap Isnin hingga Sabtu

7. NOMBOR TALIAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Untuk pertanyaan berhubung perkara-perkara berkaitan dengan COVID-19, sila hubungi diantara nombor-nombor ini dari jam 9.00 pagi hingga 10.00 malam.

- 1. 082 – 443 991**
- 2. 082 – 513 340**
- 3. 082 – 649 813**
- 4. 082 – 536 512**
- 5. 082 – 646 634**

8. KOMPAUN JIKA DIDAPATI BERSALAH

Kepada orang awam yang masih berdegil untuk tidak mematuhi Garis Panduan (SOP) dan melanggar perintah PKPP, pihak penguatkuasa tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan dan mengenakan kompaun.

9. NASIHAT KEPADA ORANG AWAM

Saya ingin menasihatkan kepada orang ramai untuk sentiasa mengamalkan norma baharu dengan mematuhi Garis Panduan (SOP) yang telah dikeluarkan oleh kerajaan. Kita jangan leka kerana perang untuk memutuskan rantaian COVID-19 ini masih belum berakhir.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives

Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

13 JULAI 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	579	Kes sedang dirawat di hospital	10	1.72%
Kes Baharu	1	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	58,548	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	580	Jumlah kes kematian	18	3.10%
IR per 100,000 penduduk	18.80	Kes telah sembuh dan discaj	552	95.17%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	14		12	8,664
Menunggu keputusan	1	2		

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		7	1	1	0	9
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	1	0	1
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)		0	0	1	0	1
Jumlah kes kematian		16	0	0	2	18
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0
	Kumulatif	467	32	22	31	552
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)		9	8	2	0	19

DAERAH KUNING (1)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Kuching	5	5,654	0	345	0	327	0	11	7	6
Jumlah		5	5654	0	345	0	327	0	11	7	6

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (39)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Bintulu	2	263	1	24	0	22	0	0	2	2
2	Sibu	0	104	0	9	0	8	0	0	1	1
3	Samarahan	0	522	0	98	0	94	0	4	0	0
4	Simunjan	0	58	0	8	0	8	0	0	0	0
5	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0
6	Serian	0	297	0	21	0	21	0	0	0	0
7	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0
8	Lundu	0	238	0	1	0	1	0	0	0	0
9	Bau	0	158	0	5	0	5	0	0	0	0
10	Limbang	0	28	0	9	0	8	0	1	0	0
11	Miri	5	742	0	23	0	22	0	1	0	0
12	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
13	Sri Aman	0	41	0	3	0	2	0	1	0	0
14	Betong	0	174	0	16	0	16	0	0	0	0
15	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0
16	Mukah	0	38	0	1	0	1	0	0	0	0
17	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
18	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0
19	Sarawak	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Lubok Antu	0	18	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Kapit	0	29	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Marudi	0	12	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		7	3,010	1	235	0	225	0	7	3	3

Jumlah Besar	12	8,664	1	580	0	552	0	18	10	9
---------------------	-----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	-----------	----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Kluster yang telah dikenalpasti.

Bil.	Kluster		Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat
1	Kluster Kuching Conference		0	191	22 June, 2020
2	Kluster Seri Petaling		0	115	10 June, 2020
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	Sub-kluster dan kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling	Sub-kluster dan kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling	3 June, 2020
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10			15 May, 2020
2c	Sub-Kluster Sibu	4			10 June, 2020
2d	Sub-Kluster Bintulu	2			12 May, 2020
2e	Sub-Kluster Limbang	7			26 May, 2020
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7			12 May, 2020
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10			3 June, 2020
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3			3 June, 2020
2i	Sporadik				
	i) Betong	6			15 May, 2020
	ii) Samarahan	1			2 May, 2020
	iii) Serian	1			6 June, 2020
	iv) Kuching	9			12 May, 2020
	v) Bintulu	2			18 April, 2020
	vi) Miri	8			24 May, 2020
	vii) Mukah	2			13 April, 2020
	viii) Limbang	2			26 May, 2020
3	Kluster PUI Itali		0	65	30 May, 2020
4	Kluster Petugas Kesihatan Kuching		0	68	6 June, 2020
5	Kluster Kidurong		0	8	Active
6	Kluster Tapak Pembinaan Kuching		0	3	Active
7	Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching		0	2	Active
8	Kluster-kluster kecil		0	63	-
9	Sporadik kes		0	44	-
10	Kes import		1	19	-
11	Masih dalam siasatan dan kes baru		0	2	-
Jumlah		1	580		

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **128 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **10 buah hotel** adalah seramai **515 orang**.

Manakala seramai **18,441 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 13.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (327)	Harvour View	115
2		Riverside (Astana Wing)	212
3	Miri (76)	Eastwood Valley	24
4		Meritz	37
5		Dynasty	15
6	Bintulu (28)	Wasan Inn	10
7		Park City Everly	18
8	Limbang (30)	Purnama	22
9		Mandarin	8
10	Sibu (54)	Premier	54
Jumlah PUS			515

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **3 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,369 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 13.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	429
2	Miri	246
3	Bintulu	110
4	Samarahan	103
5	Sarikei	99
6	Sibu	84
7	Limbang	74
8	Betong	48
9	Serian	46
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
Jumlah		1,369

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Pada hari ini, sebanyak **22 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 13.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	1
2	MP Kota Samarahan	1
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	5
5	MP Sibu	10
6	MB Miri	2
Jumlah		22